

Konsep persaingan, kerjasama tingkat prestasi penjawat awam, kementerian



Pengerusi Yayasan Pusat Polisi dan Hal Ehwal Ekonomi Malaysia

Oleh Mohd Jamizal Zainol
bhrencana@bh.com.my

Masih terngiang-ngiang di telinga saya bait lirik lagu rasmi perkhidmatan awam ketika dinyanyikan dengan penuh semangat oleh ribuan penjawat awam di Majlis Amanat Perdana Perkhidmatan Awam Ke-20 (MAPPA XX) di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya minggu lepas. *'Kitalah benteng Malaysia. Kitalah benteng Malaysia'*.

Kalimah ini pendek tetapi maknanya cukup mendalam. Jika ditanya kepada saya adakah Kerajaan Malaysia masih berfungsi jika ahli politik dan jemaah menteri tiada? Jawabnya, su-

dah tentu boleh kerana penjawat awamlah melaksanakan segala dasar dan undang-undang negara.

Jemaah Menteri berfungsi menggubal dasar negara. Jika tiada dasar baharu penjawat awam sentiasa bersedia melaksanakan dasar sudah ada dan kerajaan berjalan seperti biasa.

Jika ditanya apakah dimaksudkan dengan kerajaan? Jawablah, kerajaan bermaksud Yang di-Pertuan Agong, Ketua Setiausaha Negara, Ketua-Ketua Setiausaha Kementerian dan 1.6 juta penjawat awam. Mereka inilah dikatakan sebagai kerajaan kerana lantikan dan penamatan perkhidmatan mestilah dengan perkenan baginda. Semua urusan perkhidmatan awam ialah 'Urusan Seri Paduka Baginda'.

Jelas sekali, perkhidmatan awam sentiasa kekal dan tidak berubah. Perubahan hanya akan berlaku pada peringkat ahli politik yang menggubal dasar negara melalui barisan Jemaah Menteri setiap lima tahun sekali melalui pilihan raya umum (PRU).

Keunikan pentadbiran awam adalah ia tidak tergugat walaupun parti memerintah kerajaan sentiasa berubah. Inilah dimaksudkan pentadbiran awam sebagai benteng negara.

Kestabilan ini membolehkan pentadbiran awam melaksanakan dasar baharu Kerajaan Perpaduan sekarang, iaitu gagasan Malaysia MADANI dengan penuh tanggungjawab dan efektif.

Tugas perkhidmatan awam bukan sekadar pekerjaan, tetapi satu amanah suci. Ia menggabungkan prinsip agama, keluhuran perlembagaan dan semangat Rukun Negara sebagai teras pengabdian kepada tanah air.

Namun di sebalik semangat dan tradisi berkenaan, tuntutan zaman kini memerlukan perkhidmatan awam lebih pantas, telus dan adaptif. Globalisasi, kecerdasan buatan (AI) serta kesedaran dan tuntutan rakyat tinggi terhadap prestasi dan integriti perkhidmatan awam menuntut reformasi bukan sekadar slogan tetapi dilakukan segera!

Justeru, Perdana Menteri menggariskan Agenda Reformasi Perkhidmatan Awam (ARPA) sebagai peta hala tuju baharu. Lima teras menjadi tonggak: pendigitalan menyeluruh, budaya integriti tinggi, pemerkasaan kompetensi, pengurangan birokrasi dan pengukuhan tadbir urus.

Reformasi khusus seperti ini memerlukan agensi khas supaya fokus dapat diberikan dan 'laskar' terlatih dengan mengenal pasti pegawai tadbir terbaik untuk menjadi 'komando' bagi merangka strategi dan melaksanakan ARPA. Unit khas tidak perlu ramai tetapi mempunyai bakat prestasi tinggi bagi tugas khusus ini.

Bagi tujuan itu, Unit Penyelarasan Lonjakan Prestasi (PACU) di bawah Jabatan Perdana Menteri dipertanggungjawab secara khusus melaksanakan ARPA. Setakat ini saya dimaklumkan, 35 inisiatif dilaksanakan antaranya paling menarik adalah menyelaraskan pelaksanaan MyGov360, portal tunggal

kerajaan mengintegrasikan pelbagai perkhidmatan digital dan pembangunan MyDigital ID yang bakal memudahkan urusan rakyat merentas agensi.

Semua inisiatif adalah bagi memenuhi satu matlamat primer ARPA, iaitu Reformasi Kerenah Birokrasi (RKB). Impak kepada RKB setakat hari ini ialah penjimatan kos pematuhan sebanyak RM1.5 bilion setahun dan peningkatan dalam indeks daya saing antarabangsa seperti Indeks Daya Saing (WCR) dan *Blatvanik Index for Public Administration*.

Pujian harus diberikan kepada PACU yang kini dilihat sebagai model perkhidmatan awam progresif wajar dicontohi yang menggabungkan keberkesanan teknikal dan disiplin dalam pelaksanaan ARPA.

Perkasa budaya integriti penjawat awam

Reformasi tidak akan lengkap tanpa kerjasama masyarakat sivil. Bagi tujuan itu, Yayasan Pusat Polisi dan Hal Ehwal Ekonomi Malaysia (PEACE) dan Institut Integriti Malaysia (IIM) pada awal tahun ini melancarkan buku *Amanat Integriti dan Tatakelola Perdana Menteri*.

Naskhah mengumpulkan semua ucapan Perdana Menteri itu, terpilih sebagai buku perlu dihadam semua penjawat awam dan masyarakat bagi memenuhi hasrat membentuk budaya integriti yang bukan hanya retorik, tetapi agenda perlu diinstitusikan.

Kita sedar penjawat awam ialah manusia biasa yang semangatnya kadangkala tinggi dan kadangkala kurang. Letaklah apa sahaja dasar muluk-muluk di atas kertas tanpa kita menanganai 'hakikat wujud manusia' itu sendiri, maka dasar dirancang akan gagal.

Justeru, Yayasan PEACE mencadangkan falsafah kerjasama dan persaingan bagi meningkatkan prestasi pentadbiran awam, iaitu kenaikan pangkat dan bonus mesti berasaskan merit dengan mengguna-

kan petunjuk prestasi utama (KPI) yang telus untuk menilai keberkesanan, inovasi, serta impak kepada rakyat - bukan faktor senioriti semata-mata.

Pengisian jawatan tinggi mesti secara terbuka. Bu-ka sebahagian jawatan strategik kepada penyertaan pakar daripada luar perkhidmatan awam.

Seterusnya, membentuk pasukan tugas bersama antara kementerian untuk isu kompleks seperti perubahan iklim, kemiskinan atau tadbir urus AI. Cadangan lain adalah mengadakan awan ilmu perkhidmatan awam - suatu repositori digital berpusat yang menyimpan kajian kes, amalan terbaik dan pengajaran daripada semua kementerian.

Akademi Latihan Kolaboratif diwujudkan dengan mewujudkan kerjasama antara universiti dan badan pemikir untuk melatih pemimpin baharu sektor awam secara silang kementerian.

Akhir sekali, mekanisme semakan rakan sebaya, iaitu kementerian menyemak dasar kementerian lain sebelum dibentangkan ke Kabinet ini dapat meningkatkan kualiti melalui kolaborasi.

Perlu ditegaskan pentadbiran awam di negara ini bukan sekadar sistem birokrasi moden diwarisi daripada model Westminster, tetapi turut diwarnai falsafah amanah mendalam dalam tradisi Melayu-Islam.

Dalam *Taj al-Salatin*, Bukhari al-Jauhari menegaskan seorang Raja dan pegawai baginda memikul amanah Allah untuk menjaga rakyat. Amanah ini bukan hanya kepada institusi, tetapi kepada Tuhan dan rakyat.

Inilah yang menjadikan pentadbiran awam Malaysia unik: setiap penjawat awam dianggap 'khadam rakyat' berkhidmat di bawah semangat kontrak moral - antara manusia dengan manusia dan antara manusia dengan Pencipta.

Pendek kata, falsafah pentadbiran awam tanah air adalah suatu bentuk hibrid yakni menggabungkan sistem moden Barat dengan tradisi Melayu-Islam berakar dalam amanah, keadilan dan adab.

Hubungan antara penjawat awam dengan ahli politik bukan sekadar mekanisme teknikal, tetapi berasaskan adat, tradisi dan budaya Malaysia - politik menyediakan arah dan kuasa, pentadbiran menyediakan hikmah dan kelangsungan, manakala rakyat menjadi saksi dan penerima amanah. Jika ini ditekuni dan dihayati saya yakin pentadbiran awam menjadi benteng akhir negara bagi memastikan Malaysia terus aman, harmoni dan maju.

"Negara yang baik umpama pohon rendang; batangnya pemerintah, akarnya pentadbiran, daunnya rakyat. Jika akar tercabut, batang rebah; jika batang patah, daun gugur."

“Agama asas pegangan,
Perlembagaan negara
dijulang, Rukun Negara
jadi pedoman, Kitalah
benteng Malaysia”



Penjawat awam melafazkan ikrar pada Majlis Amanat Perdana Perkhidmatan Awam (MAPPA) di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC), Putrajaya, Jumaat lalu.

(Foto BERNAMA)